

KOSMO (M/S 52) 17/07/2018

## Angkasa bakal perkenal koperasi kelab permotoran

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**SHAH ALAM** - Impian ahli kelab permotoran untuk memiliki koperasi sendiri bakal tercapai apabila Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) bersetuju untuk menubuhkan sebuah koperasi khas untuk kelab berkenaan.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah (**gambar**) berkata, koperasi khas untuk ahli permotoran itu selawat-lewatnya akan didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Koperasi Malaysia dalam tempoh tiga bulan akan datang.

Menurutnya, koperasi itu bakal memberi banyak manfaat kepada ahli kelab bermotosikal di seluruh negara terutamanya dari segi pinjaman, bantuan nasihat dan juga memudahkan urusan antara pembekal barangan berkaitan pemotoran dengan ahli-ahli koperasi.

"Angkasa juga akan membantu koperasi ini berunding dengan kerajaan untuk mendapatkan permit import (AP) bagi membolehkan

kan koperasi permotoran ini membeli sendiri motosikal dan alat ganti daripada pengeluar.

"Secara tidak langsung ahli-ahli koperasi akan mendapat harga motosikal dan alat ganti yang jauh lebih murah berbanding harga pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis pelancaran Rakan Suka-relawan Koperasi Malaysia anjuran Angkasa, Kelab Permotoran Raiders Malaysia dan Kelab RTM Bikers di Seksyen 13 di sini baru-baru ini.

Tambah Abdul Fattah, dengan wujudnya koperasi permotoran itu juga, ia sekali gus dapat memberi lebih banyak peluang perniagaan sama ada kepada ahli koperasi mahupun koperasi itu sendiri dengan mewujudkan pusat servis alat ganti sendiri serta pusat jualan motosikal sendiri.

Beliau turut menyasarkan kira-kira 3,000 hingga 5,000 orang akan mendaftar sebagai ahli koperasi kelab permotoran dalam tempoh setahun penubuhannya kelak.



Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA